

D.R. 16/2011

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN 2011

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pelantikan Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal, dsb.
4. Pelantikan Pendaftar Perintah Perihal Dagangan

BAHAGIAN II

LARANGAN PERIHAL DAGANGAN PALSU

5. Larangan perihal dagangan palsu
6. Perihal dagangan
7. Perihal dagangan palsu
8. Larangan perihal dagangan palsu berhubung dengan cap dagangan
9. Perintah Perihal Dagangan
10. Menggunakan perihal dagangan bagi barang-barang
11. Perihal dagangan yang digunakan dalam iklan bagi kelas barang-barang
12. Dalam milikan untuk pembekalan

BAHAGIAN III

PERNYATAAN SILAP SELAIN DARIPADA PERIHAL DAGANGAN PALSU

13. Tafsiran
14. Petunjuk palsu atau yang mengelirukan tentang harga barang-barang
15. Harga disifatkan termasuk cukai
16. Representasi palsu tentang pembekalan atau kelulusan barang-barang atau perkhidmatan

Fasal

17. Pernyataan palsu atau yang mengelirukan tentang perkhidmatan, dsb.
18. Pernyataan palsu atau yang mengelirukan dalam iklan
19. Anggapan liabiliti ke atas pengiklan, dsb.
20. Pernyataan palsu atau yang mengelirukan berhubungan dengan peraduan, permainan, dsb.
21. Pelanggaran Bahagian III menjadi suatu kesalahan

BAHAGIAN IV

PEMBELAAN

22. Kesalahan yang disebabkan oleh salah orang lain
23. Pembelaan kegunaan peribadi atau domestik
24. Pembelaan kesilapan, tidak sengaja, dsb.
25. Penyiaran iklan tanpa niat salah

BAHAGIAN V

LARANGAN PENGIMPORAN BARANG-BARANG TERTENTU, DSB.

26. Larangan pengimportan barang-barang yang mengandungi petunjuk palsu mengenai asal
27. Menyubahati kesalahan yang dilakukan di luar negeri

BAHAGIAN VI

KUASA UNTUK MENTAKRIFKAN ISTILAH, MENGHENDAKI SUPAYA MAKLUMAT DIBERIKAN, DSB.

28. Perintah takrif
29. Perintah cap bermaklumat dan perakuan

BAHAGIAN VII

PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Bab 1

Penyiasatan dan aduan

30. Penyiasatan oleh Penolong Pengawal
31. Aduan kepada Penolong Pengawal

Bab 2

Kuasa mengumpul maklumat

Fasal

32. Kuasa Penolong Pengawal untuk menghendaki pemberian maklumat
33. Penolong Pengawal boleh memegang simpan dokumen
34. Akses kepada rekod
35. Kerahsiaan
36. Komunikasi terlindung
37. Memberikan maklumat, keterangan atau dokumen yang palsu atau mengelirukan
38. Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod

Bab 3

Kuasa-kuasa menangkap, penggeledahan dan penyitaan

39. Kuasa menangkap
40. Kuasa untuk memasuki premis dan memeriksa dan menyita barang-barang dan dokumen
41. Kuasa untuk memasuki premis dengan waran geledah
42. Kuasa memasuki dan menggeledah dan menyita tanpa waran
43. Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer, dsb.
44. Pemberian maklumat
45. Waran boleh diterima walaupun cacat
46. Senarai benda yang disita
47. Pelucuthakan barangan
48. Pelepasan benda yang disita
49. Penyitaan barangan mudah musnah
50. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan balik
51. Halangan
52. Kuasa untuk membuat ujian pembelian
53. Keterangan *agent provocateur* boleh diterima
54. Mengambil sampel
55. Kuasa penyiasatan

BAHAGIAN VIII

AM

Fasal

56. Pengecualian
57. Kontrak tidak tersentuh oleh pelanggaran
58. Eksperimen penyelidikan pasaran
59. Penalti am
60. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
61. Perwakilan kuasa
62. Pemulaan pendakwaan
63. Pengkompaunan kesalahan
64. Prinsipal bertanggungjawab bagi perbuatan pekhidmat atau ejen
65. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
66. Ganjaran bagi maklumat
67. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
68. Perlindungan pegawai dan orang lain
69. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan
70. Pemansuhan
71. Kecualian dan peralihan

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi maksud untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan, pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perihal Dagangan 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang-barang” termasuk kapal, kapal udara, kenderaan, haiwan, tumbuhan dan hasil tanaman dan semua jenis harta alih;

“elektronik” ertinya teknologi yang menggunakan elektrik, optik, magnetik, elektromagnetik, biometrik, fotonik atau teknologi lain yang seumpamanya;

“iklan” ertinya tiap-tiap bentuk pengiklanan (sama ada atau tidak disertai dengan atau dikaitkan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau dengan tulisan atau bunyi lain dan sama ada atau tidak terkandung atau diterbitkan dalam terbitan) dengan cara mempamerkan notis atau melalui katalog, senarai harga, pekeliling, label, kad atau dokumen atau bahan lain atau dengan menunjukkan filem atau gambar atau fotograf, atau melalui radio atau televisyen, atau dengan apa-apa cara lain termasuk melalui cara elektronik;

“kapal” termasuk apa-apa bot dan apa-apa perihalan lain vesel yang digunakan dalam pelayaran;

“logam berharga” ertinya emas, perak atau platinum dalam bentuk tulen atau aloi emas, perak atau platinum;

“membekalkan” ertinya—

- (a) berhubungan dengan barang-barang, pembekalan, termasuk pembekalan semula, secara penjualan, pertukaran, pajakan, sewaan atau sewa beli barang-barang itu; dan
- (b) berhubungan dengan perkhidmatan, ertinya pengadaaan secara penjualan, pemberian atau pembekalan perkhidmatan itu,

melalui apa-apa cara termasuk melalui cara elektronik;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri dan kepenggunaan;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Perintah Perihal Dagangan yang dilantik di bawah seksyen 4;

“Pengawal” ertinya Pengawal Perihal Dagangan yang dilantik di bawah seksyen 3;

“Penolong Pengawal” ertinya Penolong Pengawal Perihal Dagangan yang dilantik di bawah seksyen 3;

“perkhidmatan” ertinya apa-apa perihalan perkhidmatan, sama ada perindustrian, perdagangan, profesional atau selainnya tetapi tidak termasuk apa-apa yang dibuat di bawah kontrak perkhidmatan;

“premis” ertinya apa-apa tempat, yang tidak bergerak atau sebaliknya yang ditubuhkan atau didirikan oleh mana-mana orang, sama ada tempat itu ada atau tiada kepungan, dan termasuklah kenderaan, pesawat udara, kapal dan apa-apa vesel lain;

“standard ketulenan”, berhubungan dengan barang yang dibuat daripada logam berharga, ertinya bilangan bahagian mengikut berat emas, perak atau platinum tulen dalam seribu bahagian mengikut berat logam berharga;

“terbit”, berhubungan dengan sesuatu iklan, ertinya menunjukkan iklan kepada orang awam atau mana-mana orang awam melalui apa-apa cara, termasuk melalui cara elektronik; dan

“Timbalan Pengawal” ertinya Timbalan Pengawal Perihal Dagangan yang dilantik di bawah seksyen 3.

Pelantikan Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal, dsb.

3. (1) Menteri boleh melantik, daripada kalangan pegawai awam, seorang Pengawal, apa-apa bilangan Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal dan pegawai lain sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini.

(2) Pengawal hendaklah melaksanakan kewajipan yang dikenakan dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri.

(3) Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal dan pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah berada di bawah arahan dan kawalan Pengawal.

(4) Timbalan Pengawal boleh melaksanakan segala kewajipan yang dikenakan dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Pengawal.

(5) Pengawal atau Timbalan Pengawal boleh melaksanakan segala kewajipan yang dikenakan dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Penolong Pengawal.

(6) Seseorang pegawai yang dilantik di bawah seksyen ini apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini hendaklah, apabila diminta, mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak itu apa-apa kad kuasa sebagaimana yang diarahkan oleh Pengawal supaya dibawa oleh pegawai itu.

(7) Seseorang pegawai yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Pelantikan Pendaftar Perintah Perihal Dagangan

4. (1) Bagi maksud Akta ini, hendaklah ada seorang Pendaftar Perintah Perihal Dagangan.

(2) Menteri hendaklah melantik, daripada kalangan pegawai awam, seorang Pendaftar Perintah Perihal Dagangan yang akan menyebabkan suatu daftar awam perintah perihal dagangan diadakan dan disenggarakan.

BAHAGIAN II

LARANGAN PERIHAL DAGANGAN PALSU

Larangan perihal dagangan palsu

5. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) menggunakan suatu perihal dagangan palsu bagi apa-apa barang;
- (b) membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa barang yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan; atau
- (c) mendedahkan untuk pembekalan atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya untuk pembekalan apa-apa barang yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (A) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau
- (B) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Istilah-istilah yang digunakan dalam seksyen ini dan di mana-mana jua lagi ia terdapat dalam Akta ini hendaklah ditafsirkan mengikut seksyen 6 hingga 11.

Perihal dagangan

6. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 8, suatu perihal dagangan ialah suatu petunjuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan yang diberikan dengan apa-apa cara, mengenai mana-mana daripada perkara yang berikut berkenaan dengan apa-apa barang-barang atau bahagian barang-barang:

- (a) jenis atau nama;
- (b) kuantiti, panjang, lebar, tinggi, luas, isi padu, muatan, berat, saiz atau ukuran;
- (c) kaedah pembuatan, pengeluaran, pemprosesan atau pemulihan keadaan;
- (d) kandungan;
- (e) kelayakan bagi maksud, kekuatan, prestasi, gerak-geri atau ketepatan;
- (f) standard ketulenan barang yang dibuat daripada logam berharga;
- (g) apa-apa ciri fizikal atau teknologi yang tidak termasuk dalam perenggan yang terdahulu;

- (h) tarikh habis tempoh barang-barang;
- (i) pengujian oleh mana-mana orang dan keputusannya;
- (j) kualiti selain yang ditetapkan dalam perenggan yang terdahulu;
- (k) kelulusan oleh mana-mana orang atau keakuran dengan jenis yang diluluskan oleh mana-mana orang;
- (l) tempat atau tarikh pembuatan, pengeluaran, pemprosesan atau pemulihan keadaan;
- (m) orang yang membuat, mengeluarkan, memproses atau memulihkan keadaan barang-barang;
- (n) riwayat lain, termasuk pemunyaan atau penggunaan sebelumnya.

(2) Perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah dikira—

- (a) berhubungan dengan apa-apa haiwan, sebagai termasuk jantina, baka atau kacukan, kesuburan dan kesempurnaan;
- (b) berhubungan dengan apa-apa mani, sebagai termasuk pengenalan dan ciri-ciri haiwan yang daripadanya mani itu telah diambil dan sukatan kecairan.

(3) Jika penggunaan apa-apa perihal dilarang di bawah peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual kecuali jika digunakan bagi barang-barang yang mematuhi kehendak undang-undang itu, tiada perihal yang digunakan mengikut kehendak undang-undang itu akan menjadi suatu perihal dagangan palsu.

(4) Menteri boleh meminda Jadual yang disebut dalam subseksyen (3) melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(5) Bagi maksud Akta ini, suatu perihal dagangan atau pernyataan yang diterbitkan dalam mana-mana akhbar, buku atau majalah berkala atau dalam mana-mana filem atau siaran bunyian atau televisyen atau apa-apa medium lain, termasuk melalui cara elektronik, tidak boleh disifatkan sebagai suatu perihal dagangan atau pernyataan melainkan jika ia adalah atau menjadi sebahagian daripada sesuatu iklan.

Perihal dagangan palsu

7. (1) Suatu perihal dagangan palsu ialah suatu perihal dagangan yang palsu ke takat darjah yang material.

(2) Suatu perihal dagangan, walaupun tidak palsu, adalah mengelirukan, iaitu yang mungkin dikira sebagai suatu petunjuk bagi mana-mana perkara yang dinyatakan dalam seksyen 6 yang adalah palsu ke takat darjah yang material, hendaklah disifatkan sebagai suatu perihal dagangan palsu.

(3) Apa-apa, walaupun bukan suatu perihal dagangan, iaitu yang mungkin dikira sebagai suatu petunjuk bagi mana-mana perkara yang dinyatakan dalam seksyen 6 yang adalah palsu ke takat darjah yang material, hendaklah disifatkan sebagai suatu perihal dagangan palsu.

(4) Suatu petunjuk palsu, atau apa-apa jua yang mungkin dikira sebagai suatu petunjuk yang adalah palsu, bahawa apa-apa barang mematuhi standard yang ditentukan atau diiktiraf oleh mana-mana orang atau disiratkan dengan kelulusan mana-mana orang disifatkan sebagai suatu perihal dagangan palsu, jika tidak ada orang sedemikian atau tidak ada standard yang ditentukan, diiktiraf atau difahamkan sedemikian.

Larangan perihal dagangan palsu berhubungan dengan cap dagangan

8. (1) Walau apa pun seksyen 5 dan 6, suatu perihal dagangan termasuklah suatu petunjuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan yang diberikan melalui apa-apa cara, berkenaan dengan apa-apa barang-barang atau bahagian barang-barang yang berhubungan dengan apa-apa hak berkenaan dengan cap dagangan yang berdaftar di bawah Akta Cap Dagangan 1976 [*Akta 175*].

(2) Mana-mana orang yang —

(a) menggunakan suatu perihal dagangan palsu bagi apa-apa barang seolah-olah barang itu tertakluk kepada apa-apa hak yang berhubungan dengan cap dagangan berdaftar;

- (b) membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa barang yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan seolah-olah barang itu tertakluk kepada apa-apa hak yang berhubungan dengan cap dagangan berdaftar; atau
- (c) mendedahkan untuk pembekalan atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya untuk pembekalan apa-apa barang yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (A) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu; atau
- (B) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang menggunakan, membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan, mendedahkan untuk pembekalan atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya untuk pembekalan apa-apa barang yang diletakkan suatu cap yang serupa dengan cap dagangan berdaftar tanpa persetujuan pemunya berdaftar cap dagangan itu disifatkan sebagai menggunakan, membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang yang diletakkan perihal dagangan palsu melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Perintah Perihal Dagangan

9. (1) Jika mana-mana orang yang merupakan pemunya berdaftar suatu cap dagangan yang berdaftar di bawah Akta Cap Dagangan 1976 mendakwa bahawa haknya berkenaan dengan cap dagangan itu dilanggar dalam perjalanan perdagangan, oleh mana-mana cap lain atau cara gaya yang digunakan oleh mana-mana orang lain, yang tidak serupa dengan cap dagangan berdaftar tetapi boleh berkelirupan sebagai cap dagangan berdaftar, pemunya berdaftar itu boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mengisytiharkan bahawa cap yang melanggar itu ialah perihal dagangan palsu bagi maksud seksyen 8.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), orang yang disebut dalam subseksyen (1) dalam membuat permohonan itu hendaklah mengenal pasti secara khusus cap dagangan atau cap lain atau cara gaya yang melanggar, dan Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan orang itu, membuat suatu perintah yang mengisytiharkan bahawa cap dagangan atau cap lain atau cara gaya yang melanggar itu bagi maksud Akta ini, ialah suatu perihal dagangan palsu dalam penggunaannya bagi barang-barang itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Suatu perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat di bawah seksyen ini boleh disebut sebagai suatu perintah perihal dagangan.

(4) Suatu perintah perihal dagangan yang masih berkuat kuasa yang dibuat oleh mana-mana Mahkamah Tinggi di Malaysia boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah seksyen 8 yang dalamnya ia adalah berkaitan sebagai bukti muktamad mengenai suatu perihal dagangan palsu.

(5) Suatu perintah perihal dagangan hendaklah habis tempoh pada akhir tempoh satu tahun dari tarikh ia dibuat, melainkan jika ia dibaharui oleh Mahkamah Tinggi atas apa-apa terma dan bagi apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi atas permohonan orang yang disebut dalam subseksyen (1) atau pengganti dalam hakmiliknya.

(6) Seseorang yang memperoleh suatu perintah perihal dagangan di bawah seksyen ini hendaklah mendaftarkannya dengan Pendaftar.

Menggunakan perihal dagangan bagi barang-barang

10. (1) Seseorang menggunakan suatu perihal dagangan bagi barang-barang jika dia atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya—

(a) menampalkan atau melampirkannya pada atau dengan apa-apa cara mengecapkannya di atas atau menyatukannya dengan—

(i) barang-barang itu sendiri; atau

(ii) apa-apa benda yang di dalamnya, di atasnya atau dengannya barang-barang itu dibekalkan;

(b) meletakkan barang-barang itu di dalam, di atas atau dengan apa-apa benda yang perihal dagangan itu telah ditampalkan atau dilampirkan padanya, dicapkan di atasnya atau disatukan dengannya, atau meletakkan mana-mana benda itu dengan barang-barang itu; atau

(c) menggunakan perihal dagangan itu dengan apa-apa cara yang mungkin dianggap sebagai merujuk kepada barang-barang itu.

(2) Bagi maksud Akta ini, suatu pernyataan lisan boleh terjumlah kepada penggunaan suatu perihal dagangan.

(3) Jika barang-barang dibekalkan menurut suatu permintaan yang dalamnya suatu perihal dagangan digunakan dan hal keadaannya adalah sebegitu rupa sehingga menjadikan munasabah untuk membuat inferens bahawa barang-barang itu dibekalkan sebagai barang-barang yang bersamaan dengan perihal itu, orang yang membekalkan barang-barang itu disifatkan sebagai telah menggunakan perihal dagangan itu bagi barang-barang itu.

Perihal dagangan yang digunakan dalam iklan bagi kelas barang-barang

11. (1) Seksyen ini hendaklah berkuat kuasa jika dalam sesuatu iklan suatu perihal dagangan digunakan berhubungan dengan mana-mana kelas barang.

(2) Perihal dagangan itu hendaklah dikira sebagai merujuk kepada semua barang daripada kelas itu, sama ada atau tidak barang-barang itu ada pada masa iklan itu disiarkan—

- (a) bagi maksud menentukan sama ada suatu kesalahan telah dilakukan di bawah perenggan 5(1)(a); dan
- (b) jika barang-barang daripada kelas itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan oleh seseorang yang menyiarkan atau mempamerkan iklan itu, bagi maksud menentukan sama ada suatu kesalahan telah dilakukan di bawah perenggan 5(1)(b).

(3) Dalam menentukan sama ada apa-apa barang terdiri daripada suatu kelas yang baginya suatu perihal dagangan yang digunakan dalam suatu iklan adalah berkaitan, perhatian hendaklah diberikan—

- (a) kepada bentuk dan kandungan iklan itu;
- (b) kepada masa, tempat, cara dan kekerapan penyiaran iklan itu; dan
- (c) kepada semua perkara lain,

yang menyebabkan mungkin atau tidak mungkin seseorang yang kepadanya dibekalkan barang-barang itu akan memikirkan bahawa barang-barang itu tergolong dalam kelas yang berhubungan dengannya perihal dagangan itu digunakan dalam iklan itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “kelas barang-barang” ertinya kelas barang-barang yang ditetapkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976.

Dalam milikan untuk pembekalan

12. Seseorang yang ada dalam milikannya tiga barang atau lebih yang sama daripada perihalan yang serupa dan menggunakan perihal dagangan yang sama sebagaimana yang disebut dalam seksyen 6 dan 8 disifatkan sebagai mempunyai dalam milikan barang-barang untuk pembekalan.

BAHAGIAN III

PERNYATAAN SILAP SELAIN PERIHAL DAGANGAN PALSU

Tafsiran

13. Bagi maksud Bahagian ini, “palsu” atau “mengelirukan” ertinya apa-apa pelakuan, representasi, pernyataan atau amalan yang berupaya untuk membawa mana-mana orang kepada kesilapan.

Petunjuk palsu atau yang mengelirukan tentang harga barang-barang

14. (1) Seseorang yang menawarkan untuk membekalkan apa-apa barang tidak boleh membuat apa-apa petunjuk palsu atau yang mengelirukan, dengan apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung—

- (a) bahawa harga barang-barang yang ditawarkan itu adalah sama dengan atau lebih rendah daripada harga yang disyorkan;
- (b) bahawa barang-barang itu ditawarkan pada harga yang lebih rendah daripada harga yang sebenarnya ditawarkan; atau
- (c) bahawa barang-barang itu ditawarkan pada harga yang lebih rendah daripada harga yang ditawarkan oleh mana-mana orang lain.

(2) Jika mana-mana orang dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah seksyen ini, beban untuk membuktikan bahawa—

- (a) harga barang-barang yang ditawarkan olehnya adalah lebih rendah daripada harga yang ditawarkan oleh mana-mana orang lain; atau
- (b) kewujudan dan terma apa-apa harga yang disyorkan yang padanya dia bergantung atau bahawa kehendak subseksyen (3) telah dipatuhi,

hendaklah terletak pada orang yang dipertuduh itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

(a) suatu petunjuk tentang suatu harga yang disyorkan—

(i) hendaklah dikira, melainkan jika dinyatakan sebaliknya, sebagai suatu petunjuk bahawa ia suatu harga yang disyorkan oleh pembuat atau pengeluhannya; dan

(ii) hendaklah dikira, melainkan jika dinyatakan sebaliknya, sebagai suatu petunjuk bahawa ia suatu harga yang disyorkan pada amnya untuk pembekalan secara jualan runcit di kawasan tempat barang-barang itu ditawarkan;

(b) apa-apa jua yang mungkin dikira sebagai suatu petunjuk tentang suatu harga yang disyorkan hendaklah dianggap sebagai suatu petunjuk sedemikian; dan

(c) mana-mana orang yang mengiklankan barang-barang sebagai ada untuk pembekalan hendaklah dikira sebagai menawarkan untuk membekalkannya.

Harga disifatkan termasuk cukai

15. Jika dalam mana-mana iklan harga apa-apa barang atau perkhidmatan disebut, harga itu hendaklah, melainkan jika ternyata sebaliknya, disifatkan termasuk semua cukai dan duti kerajaan yang layak dan apa-apa caj lain.

Representasi palsu tentang pembekalan atau kelulusan barang-barang atau perkhidmatan

16. (1) Tiada seorang pun boleh membuat apa-apa representasi palsu dengan apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, bahawa apa-apa barang atau perkhidmatan yang dibekalkan olehnya atau apa-apa kaedah yang digunakan olehnya ialah barang-barang atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada atau diluluskan oleh mana-mana orang termasuk mana-mana kerajaan atau jabatan atau agensi kerajaan atau mana-mana badan atau agensi antarabangsa sama ada di Malaysia atau luar negeri.

(2) Subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa tanpa menjejaskan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang melarang atau menyekat penggunaan apa-apa nama, lambang, insignia, meterai, bendera, panji-panji, gelaran, jata, tanda, perkataan atau huruf atau apa-apa bentuk perihalan yang lain dalam perjalanan perdagangan, perniagaan, pekerjaan atau profesion.

Pernyataan palsu atau yang mengelirukan tentang perkhidmatan, dsb.

17. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) membuat suatu pernyataan yang diketahuinya adalah palsu;
- (b) tanpa berhemat membuat suatu pernyataan palsu; atau
- (c) membuat apa-apa pernyataan yang mungkin memperdayakan atau mengelirukan mana-mana orang,

tentang mana-mana perkara yang berikut:

- (A) pengadaan apa-apa perkhidmatan, penginapan atau kemudahan;
- (B) sifat apa-apa perkhidmatan, penginapan atau kemudahan;
- (C) bila masanya, bagaimana caranya atau orang yang olehnya apa-apa perkhidmatan, penginapan atau kemudahan yang diadakan sedemikian;
- (D) pemeriksaan, kelulusan atau penilaian oleh mana-mana orang bagi apa-apa perkhidmatan, penginapan atau kemudahan yang diadakan sedemikian;
- (E) lokasi atau kemudahan bagi apa-apa penginapan yang diadakan sedemikian; atau
- (F) kadar atau caj bagi apa-apa perkhidmatan, penginapan atau kemudahan yang diadakan sedemikian.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

(a) suatu pernyataan, sama ada atau tidak merujuk kepada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1), yang mungkin dikira sebagai suatu pernyataan mengenai mana-mana perkara itu yang mungkin palsu, adalah disifatkan sebagai suatu pernyataan palsu tentang perkara itu; dan

(b) suatu pernyataan yang dibuat tidak kira sama ada ia benar atau palsu adalah disifatkan telah dibuat tanpa berhemat, sama ada atau tidak orang yang membuatnya ada sebab untuk mempercayai bahawa ia mungkin palsu.

(3) Berhubungan dengan apa-apa perkhidmatan yang mengandungi atau yang termasuk penganan apa-apa rawatan atau proses atau perjalanan apa-apa pembaikan, perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah dikira sebagai termasuk kesan rawatan, proses atau pembaikan itu.

Pernyataan palsu atau yang mengelirukan dalam iklan

18. (1) Tiada seorang pun boleh membuat apa-apa pernyataan palsu atau yang mengelirukan dalam mana-mana iklan berhubungan dengan apa-apa barang atau perkhidmatan.

(2) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini, beban untuk membuktikan bahawa pernyataan yang dibuat olehnya adalah benar atau tidak mengelirukan hendaklah terletak pada orang yang dipertuduh itu.

Anggapan liabiliti ke atas pengiklan, dsb.

19. Orang yang berikut hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah membuat suatu pernyataan palsu atau yang mengelirukan dalam mana-mana iklan:

(a) orang yang secara langsung atau tidak langsung menawarkan untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan;

(b) orang yang bagi pihaknya iklan itu dibuat.

Pernyataan palsu atau yang mengelirukan berhubungan dengan peraduan, permainan, dsb.

20. Tiada seorang pun boleh membuat apa-apa pernyataan palsu atau yang mengelirukan—

- (a) bahawa barang-barang atau perkhidmatan yang ditawarkan olehnya dapat memudahkan kemenangan dalam mana-mana peraduan atau permainan mencuba nasib; atau
- (b) bahawa mana-mana orang telahpun memenangi, akan memenangi, atau akan, sekiranya melakukan perbuatan tertentu, memenangi hadiah atau faedah lain yang setara, sedangkan pada hakikatnya—
 - (i) tiada hadiah atau faedah lain yang setara;
 - (ii) hadiah atau faedah lain yang setara itu tidak diadakan sebagaimana yang ditawarkan; atau
 - (iii) mengambil apa-apa tindakan berhubungan dengan menuntut hadiah atau faedah yang setara itu adalah tertakluk kepada orang itu membayar wang, menanggung kos atau apa-apa syarat yang tidak munasabah.

Pelanggaran Bahagian III menjadi suatu kesalahan

21. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan dalam Bahagian ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu juta ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IV

PEMBELAAN

Kesalahan yang disebabkan oleh salah orang lain

22. (1) Jika pelakuan sesuatu kesalahan oleh mana-mana orang (disebut dalam seksyen ini sebagai “orang yang mula-mula disebut itu”) disebabkan oleh perbuatan atau keingkaran orang lain, orang lain itu yang melakukan perbuatan atau keingkaran itu, adalah, apabila disabitkan, bersalah atas kesalahan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), mana-mana orang boleh dipertuduh dan disabitkan atas kesalahan itu, sama ada atau tidak prosiding diambil terhadap orang yang mula-mula disebut itu.

Pembelaan kegunaan peribadi atau domestik

23. (1) Dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan, menjadi suatu pembelaan bagi orang yang dipertuduh untuk membuktikan bahawa pelakuan kesalahan itu adalah bagi maksud kegunaan peribadi atau domestik.

(2) Apabila sesuatu pertubuhan perbadanan dipertuduh atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, pertubuhan perbadanan itu tidak berhak untuk bergantung pada pembelaan yang disebut dalam seksyen ini.

Pembelaan kesilapan, tidak sengaja, dsb.

24. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan, menjadi suatu pembelaan bagi orang yang dipertuduh untuk membuktikan bahawa pelakuan kesalahan itu adalah disebabkan—

- (a) oleh sesuatu kesilapan pada pihaknya;
- (b) oleh kebergantungan kepada maklumat yang diberikan kepadanya;
- (c) oleh perbuatan atau keingkaran seseorang lain; atau
- (d) oleh sesuatu yang tidak sengaja atau sesuatu sebab lain di luar kawalannya,

dan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu olehnya atau mana-mana orang di bawah kawalannya.

(2) Jika dalam apa-apa hal pembelaan melibatkan pengatahan bahawa pelakuan kesalahan itu adalah disebabkan oleh sesuatu kesilapan pada pihaknya atau kebergantungan kepada maklumat yang diberikan kepadanya atau perbuatan atau keingkaran seseorang lain, orang yang dipertuduh itu tidak berhak, tanpa kebenaran Mahkamah, untuk bergantung pada pembelaan itu melainkan jika, dalam tempoh empat belas hari dari dia dipertuduh di Mahkamah, dia telah menyampaikan kepada pendakwa suatu notis bertulis memberikan apa-apa maklumat yang pada masa itu ada dalam milikannya yang mengecam atau membantu untuk mengecam orang lain itu.

(3) Dalam mana-mana prosiding bagi kesalahan membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang yang padanya suatu perihal dagangan palsu digunakan, menjadi suatu pembelaan bagi orang yang dipertuduh untuk membuktikan bahawa dia tidak tahu, dan tidak mungkin dengan usaha yang wajar dapat menentukan, bahawa barang-barang itu tidak mematuhi perihal itu atau bahawa perihal itu telah digunakan bagi barang-barang itu.

(4) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan dipertuduh atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, pertubuhan perbadanan itu tidak berhak untuk bergantung pada pembelaan yang disebut dalam seksyen ini.

Penyiaran iklan tanpa niat salah

25. Dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh sebab penyiaran sesuatu iklan, menjadi suatu pembelaan bagi orang yang dipertuduh untuk membuktikan—

- (a) bahawa dia seorang yang urusannya adalah untuk menyiarkan atau mengaturkan penyiaran iklan;
- (b) bahawa dia telah menerima iklan itu untuk disiarkan dalam perjalanan biasa perniagaan; dan
- (c) bahawa dia tidak tahu dan tiada sebab untuk mengesyaki bahawa penyiarannya akan terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN V

LARANGAN PENGIMPORAN BARANG-BARANG TERTENTU, DSB.

Larangan pengimportan barang-barang yang mengandungi petunjuk palsu mengenai asal

26. Menteri boleh membuat perintah melarang pengimportan barang-barang ke dalam Malaysia jika perihal dagangan palsu digunakan pada mana-mana barang di luar Malaysia dan petunjuk palsu itu, atau salah satu petunjuk palsu itu, yang telah diberikan, atau mungkin dikira telah diberikan, ialah petunjuk mengenai tempat dibuat, dikeluarkan, diproseskan atau dipulihkan barang-barang itu atau mana-mana bahagian daripada barang-barang itu.

Menyubahati kesalahan yang dilakukan di luar negeri

27. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang, di Malaysia, yang membantu atau mendorong pelakuan sesuatu perbuatan di mana-mana negara lain berkenaan dengan barang-barang yang jika perbuatan itu dilakukan di Malaysia akan menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 5, melakukan suatu kesalahan, jika—

(a) perihal dagangan palsu yang berkenaan ialah suatu petunjuk (atau apa-apa yang mungkin dikira sebagai suatu petunjuk) bahawa barang-barang itu atau mana-mana bahagian daripadanya telah dibuat, dikeluarkan, diproseskan atau dipulihkan di Malaysia; atau

(b) perihal dagangan palsu yang berkenaan—

(i) terdiri daripada atau mengandungi suatu ungkapan (atau apa-apa yang mungkin dikira sebagai suatu ungkapan) yang kepadanya pengertian diberikan melalui suatu perintah yang dibuat di bawah perenggan 28(1)(b); dan

(ii) jika pengertian itu diberikan sedemikian hanya dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam perintah itu, perihal dagangan itu digunakan dalam hal keadaan itu.

(2) Seseorang tidak melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) jika, melalui perintah yang dibuat di bawah seksyen 56, Menteri telah menetapkan ketidakpakaian seksyen 5 bagi barang-barang yang dimaksudkan untuk dihantar ke suatu tempat di luar Malaysia.

(3) Mana-mana orang yang, di Malaysia, membantu atau mendorong pelakuan sesuatu perbuatan di mana-mana negara lain, berkenaan dengan barang-barang yang jika perbuatan itu dilakukan di Malaysia akan menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 26, melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VI

KUASA UNTUK MENTAKRIFKAN ISTILAH, MENGHENDAKI SUPAYA MAKLUMAT DIBERIKAN, DSB.

Perintah takrif

28. (1) Jika ternyata pada Menteri—

- (a) bahawa adalah demi kepentingan orang yang kepadanya apa-apa barang dibekalkan atau apa-apa perkhidmatan diadakan; atau
- (b) bahawa adalah demi kepentingan orang yang kepadanya apa-apa barang dieksport dan tidak berlawanan dengan kepentingan orang yang kepadanya barang-barang itu dibekalkan di Malaysia,

bahawa apa-apa ungkapan yang digunakan berhubung dengan barang-barang atau perkhidmatan itu patut difahami sebagai mempunyai pengertian yang tertentu, Menteri boleh melalui perintah, memberikan apa-apa pengertian sama ada—

- (A) kepada ungkapan itu apabila digunakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan sebagai, atau sebagai sebahagian daripada, suatu perihal dagangan yang digunakan bagi barang-barang atau perkhidmatan itu; atau
- (B) kepada ungkapan itu apabila digunakan sedemikian dalam apa-apa hal keadaan yang dinyatakan dalam perintah itu,

dan jika suatu pengertian diberikan sedemikian kepada suatu ungkapan ia hendaklah disifatkan bagi maksud Akta ini sebagai mempunyai pengertian itu apabila digunakan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (A) atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, perenggan (B).

(2) Menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menggunakan ungkapan yang telah ditakrifkan dalam perintah yang dinyatakan dalam subseksyen (1) sebagai perihal dagangan bagi barang-barang atau perkhidmatan, dengan tujuan untuk memperdaya atau mengelirukan orang yang mahu membeli atau mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan itu, seolah-olah barang-barang atau perkhidmatan itu dibekalkan menurut takrif yang diberikan kepada ungkapan itu.

(3) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Perintah cap bermaklumat dan perakuan

29. (1) Jika ternyata pada Menteri adalah perlu atau suai manfaat demi kepentingan orang yang kepadanya apa-apa barang atau apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan barang-barang itu dibekalkan, bahawa barang-barang itu sepatutnya—

- (a) diperakuan oleh pihak berkuasa yang berwajib;
- (b) ditandakan dengan cap yang ditentukan oleh Menteri; atau
- (c) disertai dengan apa-apa maklumat (sama ada atau tidak terjumlah kepada atau termasuk suatu perihal dagangan) atau arahan yang berhubungan dengan barang-barang,

Menteri boleh, melalui perintah, mengenakan kehendak untuk menjamin bahawa barang-barang itu diperakukan, ditandakan atau disertai sedemikian dan mengawal selia atau melarang pembekalan barang-barang dan kehendak itu boleh meliputi bentuk dan cara maklumat atau arahan itu diberikan.

(2) Jika suatu perintah di bawah seksyen ini sedang berkuat kuasa berkenaan dengan barang-barang daripada apa-apa perihal, mana-mana orang yang, dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan—

- (a) memperakukan;
- (b) menandakan;
- (c) membekalkan; atau
- (d) menawarkan untuk membekalkan,

barang-barang daripada perihal itu dengan melanggar perintah itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “pihak berkuasa yang berwibawa” ertinya pihak berkuasa yang berwibawa yang dinamakan oleh Menteri selepas mendapat persetujuan pihak berkuasa yang berwibawa itu.

BAHAGIAN VII

PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Bab 1

Penyiasatan dan aduan

Penyiasatan oleh Penolong Pengawal

30. Jika Penolong Pengawal mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa apa-apa kesalahan sedang atau akan dilakukan di bawah Akta ini, maka Penolong Pengawal boleh menjalankan apa-apa penyiasatan yang difikirkannya suai manfaat bagi pentadbiran wajar Akta ini.

Aduan kepada Penolong Pengawal

31. (1) Penolong Pengawal boleh, apabila mendapat aduan daripada seseorang, menjalankan penyiasatan terhadap mana-mana orang yang telah atau sedang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Aduan itu hendaklah menyatakan orang yang terhadapnya aduan itu dibuat atau premis tempat kesalahan yang dikatakan itu dilakukan dan butiran mengenai kesalahan yang dikatakan di bawah Akta ini.

Bab 2

Kuasa mengumpul maklumat

Kuasa Penolong Pengawal untuk menghendaki pemberian maklumat

32. (1) Seksyen ini terpakai jika Penolong Pengawal dalam menjalankan penyiasatan di bawah Bahagian ini mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang—

(a) mempunyai apa-apa maklumat atau apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Penolong Pengawal di bawah Akta ini; atau

- (b) berupaya memberikan apa-apa keterangan yang Penolong Pengawal mempunyai sebab untuk mempercayai adalah berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Penolong Pengawal di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Penolong Pengawal, dengan notis bertulis, boleh mengarahkan mana-mana orang—

- (a) supaya memberi Penolong Pengawal, dalam tempoh dan mengikut cara dan bentuk yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa maklumat atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (1);
- (b) supaya mengemukakan kepada Penolong Pengawal, dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa maklumat atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik;
- (c) supaya membuat salinan, atau cabutan daripada, apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) dan supaya mengemukakan salinan atau cabutan dokumen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Penolong Pengawal dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu;
- (d) jika orang itu seorang individu, supaya hadir di hadapan Penolong Pengawal pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik;
- (e) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan atau badan awam, supaya menyebabkan pegawai yang berkaitan dan berkelayakan bagi pertubuhan atau badan itu untuk hadir di hadapan Penolong Pengawal pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik;

- (f) jika orang itu suatu perkongsian, supaya menyebabkan individu yang merupakan seorang pekongsi dalam perkongsian itu atau pekerja perkongsian itu untuk hadir di hadapan Penolong Pengawal pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik; atau
- (g) supaya membuat suatu pernyataan kepada Penolong Pengawal dengan memberikan suatu penjelasan mengenai apa-apa maklumat atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) dalam tempoh dan mengikut cara dan bentuk yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Jika Penolong Pengawal mengarahkan mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa dokumen di bawah subseksyen (2) dan orang itu tidak mempunyai jagaan ke atas dokumen itu, orang itu hendaklah—

- (a) menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana dokumen itu boleh dijumpai; dan
- (b) mengenal pasti, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, orang yang terakhir mempunyai jagaan ke atas dokumen itu dan menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana orang terakhir yang disebut itu boleh dijumpai.

(4) Mana-mana orang yang diarahkan supaya memberikan maklumat di bawah subseksyen (2) atau (3) hendaklah memastikan bahawa maklumat yang diberikan itu adalah benar, tepat dan lengkap dan orang itu hendaklah memberikan representasi yang nyata yang bermaksud sedemikian, termasuk suatu perisytiharan bahawa dia tidak menyedari mengenai apa-apa maklumat lain yang akan menjadikan maklumat yang diberikan itu tidak benar atau mengelirukan.

(5) Mana-mana orang yang enggan atau tidak mematuhi arahan yang dibuat oleh Penolong Pengawal di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Penolong Pengawal boleh memegang simpan dokumen

33. (1) Penolong Pengawal boleh mengambil dan memegang simpan selama apa-apa tempoh yang difikirkannya perlu, milikan mana-mana dokumen yang diperoleh di bawah Bahagian ini.

(2) Orang yang memberikan dokumen itu berhak untuk dibekalkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, suatu salinan yang diperakui sah oleh Penolong Pengawal sebagai suatu salinan benar dokumen itu.

(3) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, salinan yang diperakui sah bagi dokumen itu hendaklah diterima sebagai keterangan seolah-olah salinan itu ialah dokumen asal.

(4) Jika Penolong Pengawal berpuas hati bahawa dokumen itu tidak lagi perlu dipegang simpan, Penolong Pengawal boleh mengembalikan dokumen itu kepada orang yang memberikan dokumen itu, dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

Akses kepada rekod

34. (1) Mana-mana orang hendaklah, jika pada bila-bila masa diarahkan oleh Penolong Pengawal, membenarkan Penolong Pengawal akses kepada buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda bagi maksud menjalankan mana-mana fungsi atau kuasa Penolong Pengawal di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kerahsiaan

35. (1) Mana-mana orang yang menzahirkan atau menggunakan apa-apa maklumat atau dokumen rahsia berkenaan dengan suatu perusahaan tertentu atau hal ehwal seseorang individu yang diperoleh menurut kuasa mana-mana peruntukan Akta ini melakukan suatu kesalahan.

(2) Tiada apa pun dalam subseksyen (1) boleh berkuat kuasa untuk menghalang penzahiran maklumat jika—

- (a) penzahiran itu dibuat dengan persetujuan orang yang daripadanya maklumat atau dokumen itu diperoleh;
- (b) penzahiran itu dibuat dalam hal keadaan maklumat yang diberikan itu dirangka dengan cara yang sebegitu rupa sehingga sumber maklumat itu tidak dapat dipastikan;
- (c) maklumat itu telah sedia ada dalam domain awam;
- (d) penzahiran itu dibuat bagi memudahkan pelaksanaan fungsi atau kuasa Pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal;
- (e) penzahiran itu dibuat secara munasabah semasa apa-apa prosiding di bawah Akta ini dengan syarat bahawa penzahiran itu tidak dibuat berlawanan dengan apa-apa arahan Pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal yang di hadapannya prosiding itu berjalan; atau
- (f) penzahiran itu dibuat berkaitan dengan penyiasatan terhadap suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “maklumat rahsia” ertinya maklumat perdagangan, perniagaan atau perindustrian yang dipunyai oleh mana-mana orang, yang mempunyai nilai ekonomi dan secara amnya tidak tersedia kepada atau diketahui oleh orang lain.

Komunikasi terlindung

36. (1) Tiada seorang pun boleh dikehendaki, di bawah mana-mana peruntukan Bahagian ini, supaya memberikan atau menzahirkan apa-apa komunikasi antara seorang penasihat undang-undang profesional dengan pelanggannya yang dilindungi daripada penzahiran mengikut seksyen 126 Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(2) Jika—

- (a) Pengawal membuat suatu kehendak di bawah seksyen 33 terhadap seorang peguam bela dan peguam cara berkenaan dengan apa-apa maklumat atau dokumen; dan

- (b) maklumat atau dokumen itu mengandungi komunikasi terlindung yang dibuat oleh atau bagi pihak atau kepada peguam bela dan peguam cara itu atas sifatnya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara,

peguam bela dan peguam cara itu berhak untuk enggan mematuhi kehendak itu melainkan jika orang yang kepadanya atau olehnya atau bagi pihaknya komunikasi itu dibuat atau, jika orang itu ialah pertubuhan perbadanan yang di bawah penerimaan atau sedang digulung, penerima atau pelikuidasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, bersetuju supaya peguam bela dan peguam cara itu mematuhi kehendak itu, tetapi jika peguam bela dan peguam cara itu enggan untuk mematuhi kehendak sedemikian, peguam bela dan peguam cara itu hendaklah dengan segera memberi Pengawal secara bertulis nama dan alamat orang yang kepadanya atau olehnya atau bagi pihaknya komunikasi itu dibuat.

Memberikan maklumat, keterangan atau dokumen palsu atau yang mengelirukan

37. Seseorang yang tidak menzahirkan atau meninggalkan untuk memberikan apa-apa maklumat, keterangan atau dokumen yang berkaitan, atau memberikan apa-apa maklumat, keterangan atau dokumen yang diketahuinya atau dia ada sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan, dalam perjalanan penyiasatan oleh Penolong Pengawal, melakukan suatu kesalahan.

Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod

38. Seseorang yang—

- (a) memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah; atau
- (b) menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk mengalihkan dari premisnya atau menghantar ke luar Malaysia,

apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda yang disimpan atau disenggarakan dengan niat untuk memfraud Penolong Pengawal atau untuk menghalang, melengahkan atau menggagalkan perjalanan suatu penyiasatan atau perjalanan mana-mana kuasa Penolong Pengawal di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan.

Bab 3

Kuasa-kuasa menangkap, penggeledahan dan penyitaan

Kuasa menangkap

39. (1) Mana-mana Penolong Pengawal boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan atau cuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 8.

(2) Mana-mana Penolong Pengawal yang membuat tangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada pegawai polis yang paling hampir atau, jika tiada pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang paling hampir, dan selepas itu orang itu hendaklah diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa seolah-olah dia ditangkap oleh seorang pegawai polis.

Kuasa untuk memasuki premis dan memeriksa dan menyita barang-barang dan dokumen

40. (1) Mana-mana Penolong Pengawal boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, menjalankan kuasa yang berikut:

- (a) dia boleh, bagi maksud menentukan sama ada apa-apa kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan, memeriksa mana-mana barang dan memasuki mana-mana premis selain premis yang digunakan sebagai tempat kediaman sahaja;
- (b) jika dia ada sebab yang munasabah bagi mengesyaki bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan, dia boleh menyita dan menahan apa-apa barang bagi maksud menentukan, dengan cara menguji atau dengan cara lain, sama ada kesalahan itu telah dilakukan;
- (c) dia boleh menyita dan menahan mana-mana barang atau dokumen yang dia ada sebab untuk mempercayai mungkin dikehendaki sebagai keterangan dalam prosiding bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini;

(d) dia boleh, bagi maksud menjalankan kuasanya di bawah subseksyen ini untuk menyita barang-barang, tetapi hanya jika dan setakat yang semunasabahnya perlu untuk memastikan bahawa peruntukan Akta ini dan peruntukan mana-mana perintah yang dibuat di bawah Akta ini dituruti dengan sewajarnya, menghendaki mana-mana orang yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian supaya memecah buka apa-apa bekas atau membuka apa-apa mesin penjualan dan, jika orang itu tidak mematuhi kehendak itu, dia sendiri boleh berbuat demikian.

(2) Seseorang Penolong Pengawal yang menyita apa-apa barang atau dokumen pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini hendaklah memberitahu orang yang daripadanya barang-barang itu disita dan, dalam hal barang-barang yang disita daripada mesin penjualan, orang yang nama dan alamatnya dinyatakan pada mesin itu sebagai tuan punyanya atau, jika tiada nama dan alamat dinyatakan sedemikian, penduduk premis tempat mesin itu berada atau penduduk premis yang padanya mesin itu dilekatkan.

(3) Jika barang-barang atau dokumen yang disita oleh Penolong Pengawal pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini adalah disebabkan oleh jenis, saiz atau amaunnya tidak praktik untuk dipindahkan dari tempat barang-barang atau dokumen itu dijumpai, dia boleh dengan apa-apa cara mengelak barang-barang atau dokumen itu di dalam premis atau bekas yang di dalamnya barang-barang atau dokumen itu dijumpai dan menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang tanpa kuasa yang sah untuk memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak itu atau untuk memindahkan barang-barang atau dokumen itu atau untuk cuba berbuat demikian.

Kuasa untuk memasuki premis dengan waran geledah

41. (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang telah melakukan atau sedang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, sehingga apa-apa keterangan atau benda yang perlu dalam pelaksanaan suatu penyiasatan bagi apa-apa kesalahan mungkin ditemui di dalam mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa mana-mana Penolong Pengawal yang

dinamakan dalamnya untuk memasuki premis itu pada bila-bila masa, dengan atau tanpa bantuan, dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan untuk menggeledah dan menyita apa-apa keterangan atau benda itu.

(2) Seseorang Penolong Pengawal yang memasuki mana-mana premis menurut seksyen ini boleh membawa bersamanya mana-mana orang lain dan apa-apa kelengkapan yang ternyata padanya perlu; dan apabila meninggalkan mana-mana premis yang telah dimasukinya menurut kuasa waran di bawah subseksyen yang terdahulu dia hendaklah, jika premis itu tidak diduduki atau penduduknya tidak ada buat sementara waktu, meninggalkan premis itu dalam keadaan yang betul-betul selamat daripada penceroboh sebagaimana keadaan premis itu didapati olehnya.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberi kuasa penggeledahan dan penyitaan apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data komputer, barang atau benda yang mengandungi atau dengan munasabahnya dipercayai mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan atau selainnya perlu untuk melaksanakan suatu penyiasatan bagi apa-apa kesalahan.

(4) Penolong Pengawal yang menjalankan penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis itu.

(5) Penolong Pengawal yang membuat pemeriksaan ke atas seseorang di bawah subseksyen (4) boleh menyita, atau mengambil milikan, dan menyimpan dalam jagaan selamat semua benda selain pakaian yang perlu yang dijumpai pada orang itu, dan apa-apa benda lain, yang berkenaan dengannya terdapat sebab untuk mempercayai bahawa benda itu merupakan peralatan atau keterangan mengenai kesalahan itu, dan benda itu boleh ditahan sehingga Mahkamah mengeluarkan perintah pelupusan terhadapnya.

(6) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda yang disita di bawah seksyen ini, Penolong Pengawal yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara mengelak premis atau bekas yang di dalamnya dijumpai buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda itu.

(7) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (6) atau memindahkan apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan.

Kuasa memasuki dan menggeledah dan menyita tanpa waran

42. Jika Penolong Pengawal berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran geledah di bawah seksyen 41 penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan pelanggaran atau kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, Penolong Pengawal boleh memasuki premis dan menjalankan di dalam, pada dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 41 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer, dsb.

43. (1) Mana-mana Penolong Pengawal yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 41 atau 42 hendaklah diberi akses kepada apa-apa maklumat berekod atau data berkomputer atau berdigital, sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Dalam menjalankan kuasanya, Penolong Pengawal—

(a) boleh memeriksa dan meneliti pengendalian apa-apa komputer dan apa-apa radas atau bahan yang berkaitan yang dia ada sebab munasabah untuk mengesyaki sedang atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu; dan

(b) boleh menghendaki—

(i) orang yang, olehnya atau bagi pihaknya, pegawai itu ada sebab munasabah untuk mengesyaki, komputer itu sedang atau telah digunakan sedemikian; atau

- (ii) orang yang bertanggungjawab, atau yang selainnya terlibat dengan, pengendalian komputer, radas atau bahan itu,

untuk memberinya apa-apa bantuan yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki olehnya bagi maksud seksyen ini.

(3) Penolong Pengawal boleh membuat salinan atau mengambil cabutan maklumat berekod, data berkomputer atau berdigital itu jika difikirkannya perlu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “akses” termasuk diberi kata laluan yang perlu, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu atau apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan pemahaman maklumat berekod dan data berkomputer atau berdigital itu.

Pemberian maklumat

44. (1) Mana-mana orang yang —

- (a) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa seorang Penolong Pengawal sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau akan, dijalankan di bawah atau bagi maksud Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjejaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau
- (b) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa suatu penzahiran telah dibuat kepada seorang Penolong Pengawal di bawah Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjejaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan dengan penzahiran itu,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) menjadikannya suatu kesalahan jika seseorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjaanya menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara lain—

- (a) kepada pelanggannya atau wakil pelanggannya berkaitan dengan pemberian nasihat kepada pelanggan itu dalam perjalanan dan bagi maksud khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau
- (b) kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, apa-apa prosiding undang-undang.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai berhubungan dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang dizahirkan dengan tujuan untuk melaksanakan apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

(4) Dalam prosiding terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, menjadi pembelaan jika orang itu membuktikan bahawa—

- (a) dia tidak mengetahui atau mengesyaki bahawa penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) berkemungkinan menjejaskan penyiasatan itu; atau
- (b) dia mempunyai kuasa sah atau alasan yang munasabah untuk membuat penzahiran itu.

(5) Seorang Penolong Pengawal atau orang yang lain tidak melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini berkenaan dengan apa-apa perkara yang telah dibuat olehnya dalam perjalanan tindakan yang berkaitan dengan penguatkuasaan, atau penguatkuasaan yang dicadangkan, bagi Akta ini.

Waran boleh diterima walaupun cacat

45. Sesuatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu dan mana-mana buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda yang disita di bawah waran itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

Senarai benda yang disita

46. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda disita di bawah Bahagian ini, Penolong Pengawal yang melakukan penyitaan itu hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan senarai benda yang disita itu dan dengan segera menyerahkan suatu salinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang digeledah itu, atau kepada ejen atau pekhidmatnya, di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak berpenghuni, Penolong Pengawal yang melakukan penyitaan itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Pelucuthakan barangan

47. (1) Semua barangan yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi melucuthakkan atau melepaskan apa-apa barangan yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengannya telah dijalankan dan suatu perintah bagi melucuthakkan barangan itu hendaklah dibuat jika dibuktikan dengan memuaskan hati Mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barangan itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana barangan yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, barangan itu hendaklah dikira dan disifatkan telah dilucuthakkan apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh ia disita melainkan jika suatu tuntutan mengenainya dibuat sebelum tarikh itu mengikut cara yang dinyatakan kemudian daripada ini.

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barangan itu dan bahawa barangan itu tidak boleh dilucuthakkan boleh dengan sendirinya atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis memberikan notis bertulis kepada Penolong Pengawal bahawa dia menuntut barangan itu.

(5) Apabila diterima notis itu Penolong Pengawal hendaklah merujuk tuntutan itu kepada Pengawal yang boleh mengarahkan supaya barangan itu dilepaskan atau dilucuthakkan atau boleh mengarahkan Penolong Pengawal supaya merujuk perkara itu kepada Mahkamah untuk keputusan.

(6) Mahkamah yang kepadanya perkara itu dirujuk hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barangan itu dan orang yang daripadanya barangan itu telah disita supaya hadir di hadapannya dan apabila dia hadir atau tidak hadir, selepas dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Mahkamah hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu dan apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barangan itu ialah hal perkara kesalahan itu atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu hendaklah memerintahkan supaya barangan itu dilucuthakkan atau boleh, jika tidak dibuktikan sedemikian, memerintahkan supaya barangan itu dilepaskan.

(7) Semua benda yang dilucuthakkan atau disifatkan dilucuthakkan hendaklah diserahkan kepada Penolong Pengawal dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pengawal.

(8) Jika apa-apa barangan yang disita pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Akta ini adalah daripada jenis mudah musnah atau jika jagaan barangan itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, barangan itu boleh dijual pada bila-bila masa dan hasil jualan itu boleh dipegang untuk mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.

Pelepasan benda yang disita

48. (1) Jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda telah disita di bawah Akta ini, Penolong Pengawal yang melakukan penyitaan itu boleh melepaskan buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda itu kepada orang yang ditentukan olehnya sebagai berhak secara sah kepadanya, jika dia berpuas hati bahawa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda itu tidak dikehendaki selainnya bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-

mana undang-undang bertulis yang lain, dan sekiranya sedemikian Penolong Pengawal yang melakukan penyitaan itu, Kerajaan Persekutuan, Pengawal atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Pengawal tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda itu telah dibuat dengan suci hati.

(2) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh Penolong Pengawal yang melakukan pelepasan itu bagi apa-apa perkara di bawah subseksyen (1) dengan menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu.

Penyitaan barangan mudah musnah

49. Jika apa-apa barangan yang disita pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Akta ini merupakan barangan yang mudah musnah sifatnya atau jika jagaan barangan itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, barangan itu boleh dijual oleh Penolong Pengawal pada bila-bila masa dan hasil jualan itu boleh dipegang untuk mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan balik

50. Tiada seorang pun, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan mana-mana buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Halangan

51. Mana-mana orang yang—

- (a) enggan untuk memberi mana-mana Penolong Pengawal akses kepada mana-mana premis yang Penolong Pengawal itu berhak kepadanya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;

- (b) mengamang, menggalang, menghalang atau melengahkan mana-mana Penolong Pengawal dalam membuat apa-apa kemasukan yang Penolong Pengawal itu berhak membuatnya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini; atau
- (c) enggan untuk memberi mana-mana Penolong Pengawal apa-apa maklumat yang berhubungan dengan suatu kesalahan atau suatu kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini atau apa-apa maklumat lain yang secara munasabah dikehendaki supaya diberikan olehnya dan yang ada dalam pengetahuan atau kuasanya,

melakukan suatu kesalahan.

Kuasa membuat pembelian untuk ujian

52. Mana-mana Penolong Pengawal hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa pembelian barangan yang ternyata suai manfaat bagi maksud menentukan sama ada atau tidak peruntukan Akta ini dan perintah yang dibuat di bawahnya dipatuhi.

Keterangan *agent provocateur* boleh diterima

53. (1) Walau apa pun mana-mana rukun undang-undang atau peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, tiada *agent provocateur* boleh dianggap sebagai tidak boleh dipercayai hanya oleh sebab dia cuba untuk bersubahat atau telah bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini jika cubaan untuk bersubahat atau pensubahatan itu adalah semata-mata bagi maksud mendapatkan keterangan terhadap orang itu.

(2) Walau apa pun mana-mana rukun undang-undang atau peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, dan walaupun *agent provocateur* itu ialah seorang Penolong Pengawal, apa-apa pernyataan, sama ada lisan atau bertulis yang dibuat kepada *agent provocateur* itu oleh mana-mana orang yang selepas itu dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya.

Mengambil sampel

54. (1) Jika apa-apa barang yang menjadi hal perkara suatu kesalahan di bawah Akta ini terdapat dalam dua atau lebih bungkusan atau bekas yang sama perihalnya, hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa semua bungkusan atau bekas itu mengandungi barang yang sama jenis, kuantiti dan kualiti.

(2) Jika bungkusan atau bekas mengandungi barang-barang yang melanggar peruntukan Akta ini atau yang selainnya boleh disita telahpun disita, adalah mencukupi untuk membuka dan memeriksa satu peratus atau tidak kurang daripada lima sampel, mengikut mana-mana yang lebih kurang, daripada kandungan dalam setiap bungkusan atau bekas yang disita itu.

(3) Mahkamah hendaklah menganggap bahawa lebih sampel yang terkandung dalam bungkusan atau bekas itu adalah sama jenis dengan sampel yang diperiksa.

Kuasa penyiasatan

55. Mana-mana Penolong Pengawal yang menyiasat apa-apa pelanggaran kesalahan di bawah Akta ini boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa yang berhubungan dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diperuntukkan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

BAHAGIAN VIII

AM

Pengecualian

56. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menyatakan bahawa mana-mana peruntukan Akta ini tidak terpakai berkenaan dengan apa-apa perihalan bagi barang-barang yang dimaksudkan untuk—

(a) dihantar ke suatu tempat di luar Malaysia; atau

(b) apa-apa kegunaan atau maksud tertentu sebagaimana yang disebut dalam perintah itu.

Kontrak tidak tersentuh oleh pelanggaran

57. Sesuatu kontrak bagi membekal apa-apa barang tidak boleh menjadi terbatal atau tidak boleh dikuatkuasakan semata-mata oleh sebab sesuatu pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini.

Eksperimen penyelidikan pasaran

58. (1) Dalam seksyen ini “eksperimen penyelidikan pasaran” ertinya apa-apa aktiviti yang dijalankan bagi maksud menentukan pendapat orang (disebut dalam seksyen ini sebagai “peserta”) tentang—

- (a) apa-apa barang;
- (b) apa-apa benda yang dalamnya, atasnya atau dengannya barang-barang itu dibekalkan;
- (c) rupa atau apa-apa ciri lain barang-barang itu atau sesuatu benda itu; atau
- (d) nama atau perihal yang atasnya barang-barang itu dibekalkan.

(2) Seksyen ini terpakai bagi apa-apa eksperimen penyelidikan pasaran yang berkenaan dengannya syarat yang berikut dipenuhi:

- (a) bahawa mana-mana peserta yang kepadanya apa-apa barang dibekalkan dalam perjalanan eksperimen itu diberitahu, pada atau sebelum masa barang itu dibekalkan kepadanya, bahawa barang itu dibekalkan bagi sesuatu maksud sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1); dan
- (b) bahawa tiada balasan berupa wang atau nilai wang diberikan oleh seorang peserta bagi barang itu atau apa-apa barang yang dibekalkan kepadanya untuk perbandingan.

(3) Seksyen 5 dan 28 tidak terpakai berhubungan dengan barang-barang yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan, sama ada kepada seorang peserta atau mana-mana orang lain, dalam perjalanan eksperimen penyelidikan pasaran yang seksyen ini terpakai baginya.

Penalti am

59. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan

60. Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan sedemikian.

Pewakilan kuasa

61. (1) Pengawal atau Timbalan Pengawal boleh secara bertulis mewakilkan semua atau mana-mana kuasa, kewajipan atau fungsinya di bawah Akta ini kepada mana-mana Penolong Pengawal, dan boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana perwakilan sedemikian.

(2) Perwakilan di bawah subseksyen (1) tidak menghalang Pengawal atau Timbalan Pengawal daripada menjalankan pada bila-bila masa kuasa, kewajipan atau fungsi yang diwakilkan itu.

Pemulaan pendakwaan

62. Tiada pendakwaan bagi atau berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa keizinan Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

63. (1) Pengawal boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dengan menerima daripada orang yang melakukan kesalahan itu, suatu jumlah wang yang tidak melebihi denda maksimum bagi kesalahan itu dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam tawaran kompaun itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pengawal, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada habis tempoh masa yang ditetapkan dalam tawaran terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Apabila diterima bayaran di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu.

(4) Pengawal boleh melucuthakkan atau memulangkan barang-barang yang disita semasa kes itu apabila diterima bayaran di bawah subseksyen (1).

(5) Semua wang yang diterima di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Prinsipal bertanggungjawab bagi perbuatan pekhidmat atau ejen

64. Jika pekhidmat atau ejen seseorang melakukan suatu kesalahan atau membuat apa-apa atau meninggalkan daripada melakukan apa-apa perbuatan (yang jika dibuat atau ditinggalkan oleh orang itu akan menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini), orang itu

hendaklah, walaupun orang itu tiada pengetahuan mengenai kesalahan itu, disifatkan melakukan kesalahan itu dan boleh dihukum bagi kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa—

- (a) perbuatan atau peninggalan yang diadukan itu bukan dalam skop biasa pekerjaan pekhidmat atau agensi ejen itu; atau
- (b) perbuatan atau peninggalan yang diadukan itu telah dilakukan atau ditinggalkan tanpa dipersetujui atau dibiarkan olehnya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha wajar untuk mengelakkan pembuatan atau peninggalan itu sebagaimana yang sepatutnya dilakukannya dengan mengambil kira segala hal keadaan kes itu.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

65. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau berseksama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang di bawah Akta ini boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam masa penggajiannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen yang bertindak bagi pihak orang itu.

Ganjaran bagi maklumat

66. Dalam hal sabitan yang melibatkan denda, mahkamah yang mengenakan denda itu boleh, atas permohonan pegawai pendakwa, mengarahkan pembayaran mana-mana bahagian denda itu mengikut perkadaran yang difikirkan patut oleh mahkamah tetapi dalam apa-apa hal tidak melebihi setengah daripada denda itu, kepada orang yang memberikan maklumat yang membawa kepada sabitan itu.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

67. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3 berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkarannya yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.

Perlindungan pegawai dan orang lain

68. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal atau mana-mana orang lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diperintahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini; dan

- (b) mana-mana orang lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa sebagai dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Pengawal jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan kepercayaan munasabah bahawa ia perlu bagi maksud yang dihasratkan untuk dicapai dengannya.

Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan

69. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan dengan lebih baik peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) memberikan pengertian bagi apa-apa ungkapan atau petunjuk yang digunakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan;
- (b) melarang, menyekat atau selainnya mengawal selia atau mengawal penggunaan apa-apa ungkapan atau petunjuk yang digunakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan;
- (c) menetapkan fi yang akan dikenakan berkenaan dengan penggunaan apa-apa ungkapan atau petunjuk yang digunakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan;
- (d) mengadakan peruntukan bagi penyenggaraan daftar atau rekod yang digunakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan dan menetapkan butir-butir yang hendaklah direkodkan dalam daftar atau rekod itu;
- (e) menetapkan borang yang akan digunakan bagi maksud mengawal selia apa-apa perkara yang ditetapkan di bawah Akta ini;
- (f) menetapkan standard ketulenan artikel yang dibuat daripada logam berharga dan mengawal selia atau mengawal penggunaan apa-apa ungkapan atau petunjuk yang digunakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan berhubung dengan standard ketulenan itu; dan

- (g) menetapkan suatu penalti denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun bagi pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Pemansuhan

70. Akta Perihal Dagangan 1972 [*Akta 87*] dimansuhkan.

Kecualian dan peralihan

71. Walaupun Akta Perihal Dagangan 1972 dimansuhkan di bawah seksyen 70—

- (a) semua orang, benda dan hal keadaan yang dilantik atau diwujudkan oleh atau di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 (“Akta yang dimansuhkan”) atau yang wujud atau yang berterusan di bawah Akta yang dimansuhkan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, di bawah dan tertakluk kepada Akta ini, terus mempunyai kedudukan, kuat kuasa dan kesan yang sama sebagaimana yang akan dipunyai masing-masing seolah-olah Akta yang dimansuhkan itu tidak dimansuhkan;
- (b) khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan perenggan (a), pemansuhan itu tidak menjejaskan pelantikan, perintah, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa Akta yang dimansuhkan dan berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan pelantikan, perintah, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan itu hendaklah berkuat kuasa dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah tiap-tiap pelantikan, perintah, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan itu telah dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa Akta ini sehingga digantikan atau dibatalkan oleh apa-apa pelantikan, perintah, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa Akta ini;
- (c) tiada apa jua pun boleh menjejaskan liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan sebaik

sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan pendakwaan kesalahan itu hendaklah dibuat mengikut Akta yang dimansuhkan;

- (d) apa-apa prosiding undang-undang, pendakwaan jenayah, penyiasatan atau prosiding tatatertib yang belum selesai di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah diteruskan di bawah Akta dimansuhkan; dan
- (e) apa-apa sebutan mengenai Akta yang dimansuhkan dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta ini dan apa-apa sebutan mengenai mana-mana peruntukan tertentu Akta yang dimansuhkan dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai peruntukan Akta ini yang hampir-hampir bersamaan dengan peruntukan tertentu itu.

JADUAL

[Subseksyen 6(3)]

Akta Jualan Dadah 1952 [*Akta 368*]

HURAIAN

Rang Undang-Undang Perihal Dagangan 2011 (“Rang Undang-Undang”) diperbuat untuk membuat pembaharuan undang-undang mengenai perihal dagangan. Maksud Rang Undang-Undang ini adalah untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan, pelakuan dan amalan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan, dan dengan itu melindungi kepentingan pengguna.

BAHAGIAN I

- 2. Bahagian I memperkatakan perkara permulaan.
- 3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
- 4. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

5. *Fasal 3* memperuntukkan pelantikan seorang Pengawal, apa-apa bilangan Timbalan Pengawal dan Penolong Pengawal oleh Menteri untuk melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta yang dicadangkan.

6. *Fasal 4* memperuntukkan pelantikan seorang Pendaftar Perintah Perihal Dagangan yang akan menyebabkan suatu daftar awam perintah perihal dagangan diadakan dan disenggarakan.

BAHAGIAN II

7. Bahagian II mengandungi peruntukan tentang larangan terhadap perihal dagangan palsu.

8. *Fasal 5* bertujuan untuk melarang mana-mana orang menggunakan suatu perihal dagangan palsu bagi apa-apa barang atau membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa barang yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan atau mendedahkan untuk pembekalan atau mempunyai dalam miliknya untuk pembekalan apa-apa barang yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan.

9. *Fasal 6* menyatakan petunjuk perihal dagangan sama ada secara langsung atau tidak langsung berkenaan dengan barang-barang atau sebahagian daripada barang-barang.

10. *Fasal 7* menjelaskan apa yang terjumlah kepada perihal dagangan palsu.

11. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan cap dagangan yang berdaftar di bawah Akta Cap Dagangan 1976 sebagai suatu petunjuk perihal dagangan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Menjadi suatu kesalahan bagi seseorang untuk menggunakan suatu perihal dagangan palsu bagi apa-apa barang seolah-olah barang itu tertakluk kepada apa-apa hak yang berhubungan dengan cap dagangan berdaftar atau membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa barang yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan seolah-olah barang itu tertakluk kepada apa-apa hak yang berhubungan dengan cap dagangan berdaftar.

12. *Fasal 9* membenarkan seseorang, yang merupakan pemunya berdaftar suatu cap dagangan yang berdaftar di bawah Akta Cap Dagangan 1976, untuk menuntut bahawa haknya berkenaan dengan cap dagangan itu telah dilanggar dalam perjalanan perdagangan, oleh mana-mana cap lain atau cara gaya yang digunakan oleh mana-mana orang lain, yang tidak serupa dengan cap dagangan berdaftarnya, dan membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi supaya mengisytiharkan bahawa cap yang melanggar itu ialah suatu perihal dagangan palsu bagi maksud *fasal 8* dan perintah yang diberikan oleh Mahkamah boleh disebut sebagai perintah perihal dagangan.

13. *Fasal 10* menyatakan bagaimana suatu perihal dagangan digunakan bagi barang-barang oleh seseorang atau orang yang diberi kuasa olehnya.

14. *Fasal 11* memperuntukkan perihal dagangan yang digunakan dalam iklan bagi kelas barang-barang.
15. *Fasal 12* memperkatakan milikan tiga atau lebih barang-barang yang sama yang mempunyai perihal yang serupa dan menggunakan perihal dagangan yang sama.

BAHAGIAN III

16. Bahagian III memperkatakan peruntukan berhubung dengan pernyataan silap selain perihal dagangan palsu.
17. *Fasal 13* memperuntukkan tafsiran “palsu” dan “mengelirukan”.
18. *Fasal 14* mengadakan peruntukan bagi larangan petunjuk palsu atau mengelirukan tentang harga barang-barang. Seseorang yang menawarkan untuk membekalkan apa-apa barang dilarang untuk membuat apa-apa petunjuk palsu atau mengelirukan bahawa harga barang-barang yang ditawarkan adalah sama dengan atau kurang daripada harga yang disyorkan, barang-barang yang ditawarkan adalah pada harga yang lebih rendah daripada harga yang sebenarnya ditawarkan atau barang-barang yang ditawarkan adalah pada harga yang lebih rendah daripada harga yang ditawarkan oleh mana-mana orang lain.
19. *Fasal 15* memperuntukkan jika dalam mana-mana iklan harga apa-apa barang atau perkhidmatan disebut, harga itu hendaklah disifatkan termasuk semua cukai dan duti kerajaan yang layak dan apa-apa caj lain melainkan jika ternyata sebaliknya.
20. *Fasal 16* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang yang membuat representasi palsu tentang pembekalan atau kelulusan barang-barang atau perkhidmatan.
21. *Fasal 17* mengadakan peruntukan mengenai larangan pernyataan palsu atau mengelirukan tentang perkhidmatan, dsb..
22. *Fasal 18* mengadakan peruntukan mengenai larangan pernyataan palsu atau mengelirukan dalam iklan.
23. *Fasal 19* mengadakan peruntukan mengenai anggapan liabiliti terhadap pengiklan, dsb..
24. *Fasal 20* mengadakan peruntukan mengenai larangan pernyataan palsu dan mengelirukan berhubung dengan peraduan, permainan, dsb..
25. *Fasal 21* memperuntukkan penalti bagi kesalahan di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN IV

26. Bahagian IV mengandungi peruntukan tentang pembelaan.
27. *Fasal 22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan pembelaan bagi kesalahan disebabkan oleh salah orang yang lain.
28. *Fasal 23* bertujuan untuk mengadakan peruntukan pembelaan bagi kegunaan peribadi atau domestik tetapi pembelaan ini tidak terpakai bagi sesuatu pertubuhan perbadanan.
29. *Fasal 24* bertujuan untuk mengadakan peruntukan pembelaan bagi kesilapan, tidak sengaja, dsb..
30. *Fasal 25* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pembelaan bagi penyiaran iklan tanpa niat salah.

BAHAGIAN V

31. Bahagian V mengandungi peruntukan tentang larangan pengimportan barang-barang tertentu, dsb..
32. *Fasal 26* mengadakan peruntukan mengenai larangan pengimportan barang-barang yang mengandungi petunjuk palsu mengenai asal.
33. *Fasal 27* bertujuan untuk menjadikan kesalahan bagi seseorang yang menyubahati kesalahan yang dilakukan di luar negara.

BAHAGIAN VI

34. Bahagian VI mengandungi peruntukan tentang kuasa untuk mentakrifkan istilah, menghendaki maklumat diberi, dsb..
35. *Fasal 28 dan 29* memberi Menteri kuasa untuk memberi apa-apa ungkapan yang digunakan berhubungan dengan barang-barang atau perkhidmatan itu sebagai mempunyai erti yang tertentu. Menteri boleh melalui perintah, memberikan apa-apa pengertian sama ada bagi ungkapan apabila digunakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan atau apabila digunakan dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam perintah itu. Menteri juga boleh, melalui perintah, mengenakan kehendak untuk menjamin bahawa barang-barang itu diperakukan, ditandakan atau disertai dengan apa-apa maklumat sedemikian dan mengawal selia atau melarang pembekalan barang-barang dan kehendak itu boleh meliputi bentuk dan cara maklumat atau arahan itu diberikan.

BAHAGIAN VII

36. Bahagian VII mengandungi peruntukan tentang penyiasatan dan penguatkuasaan. Bahagian ini dibahagikan kepada 3 Bab. Bab 1 mengandungi peruntukan tentang penyiasatan dan aduan, Bab 2 mengandungi peruntukan tentang kuasa mengumpul maklumat dan Bab 3 mengandungi peruntukan tentang kuasa menangkap, penggeledahan dan penyitaan.

37. *Fasal 30* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk menjalankan penyiasatan jika Penolong Pengawal mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa apa-apa kesalahan sedang atau akan dilakukan di bawah Akta yang dicadangkan.
38. *Fasal 31* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk menjalankan penyiasatan apabila aduan dibuat oleh seseorang.
39. *Fasal 32* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk menghendaki pemberian maklumat oleh seseorang yang dipercayai dengan munasabah mempunyai maklumat dan boleh memberikan maklumat itu.
40. *Fasal 33* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk memegang simpan dokumen selama tempoh yang perlu bagi maksud mengumpul maklumat.
41. *Fasal 34* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk mengakses buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda bagi maksud mengumpul maklumat.
42. *Fasal 35* melarang penzahiran maklumat rahsia selain sebagaimana yang dibenarkan.
43. *Fasal 36* membenarkan seseorang untuk menolak kehendak penzahiran mengenai apa-apa komunikasi antara seorang penasihat undang-undang profesional dengan pelanggannya.
44. *Fasal 37* memperuntukkan kesalahan memberikan maklumat, dokumen atau keterangan palsu atau mengelirukan dalam perjalanan penyiasatan oleh Penolong Pengawal.
45. *Fasal 38* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan untuk memusnahkan, menyembunyikan, mencatitkan, mengubah, menghantar atau cuba untuk menghantar, atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk mengalihkan dari premisnya atau menghantar ke luar Malaysia, apa-apa rekod, dsb. dengan niat untuk memfraud atau untuk menghalang, melengahkan atau menggagal apa-apa penyiasatan atau perjalanan mana-mana kuasa.
46. *Fasal 39* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan atau cuba melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta yang dicadangkan.
47. *Fasal 40* bertujuan untuk membenarkan Penolong Pengawal untuk memasuki dan memeriksa, untuk menggeledah apa-apa barang dan dokumen bagi maksud menentukan sama ada suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan ini telah dilakukan dan menyita apa-apa barang dan dokumen yang dia ada sebab untuk dipercayai mungkin dikehendaki sebagai keterangan dalam prosiding bagi suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan ini.
48. *Fasal 41* dan *42* masing-masing memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kuasa untuk menggeledah dan menyita dengan waran dan kuasa untuk menggeledah dan menyita tanpa waran.

49. *Fasal 43* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk mengakses maklumat berekod atau data berkomputer.
50. *Fasal 44* memperuntukkan kesalahan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat yang mungkin akan menjejaskan penyiasatan di bawah Akta yang dicadangkan.
51. *Fasal 45* memperuntukkan bahawa suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta dicadangkan adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun apa-apa kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalam waran itu.
52. *Fasal 46* mengenakan kewajipan ke atas Penolong Pengawal untuk menyediakan senarai buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barang atau benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan itu.
53. *Fasal 47* memperuntukkan tatacara mengenai pelucuthakan barangan.
54. *Fasal 48* memperkatakan pelepasan benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan sekiranya benda itu tidak dikehendaki bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta yang dicadangkan atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
55. *Fasal 49* memperuntukkan tatacara yang berhubungan dengan penyitaan barang-barang yang mudah musnah.
56. *Fasal 50* memperuntukkan bahawa tiada seorang pun dalam apa-apa prosiding di hadapan mahkamah boleh mendapatkan kos atau ganti rugi berbangkit daripada apa-apa penyitaan melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.
57. *Fasal 51* bertujuan menjadikan suatu kesalahan untuk menggalang mana-mana Penolong Pengawal yang menjalankan pengegedahan dengan keengganan untuk memberikan akses kepada premis, mengamang, menggalang, menghalang atau melengahkan Penolong Pengawal dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan.
58. *Fasal 52* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk membuat pembelian untuk ujian bagi maksud menentukan sama ada atau tidak peruntukan Akta yang dicadangkan dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dipatuhi.
59. *Fasal 53* bertujuan untuk membolehkan keterangan yang diberikan oleh *agent provocateur* diterima dalam mana-mana prosiding bagi suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.
60. *Fasal 54* bertujuan untuk memperuntukkan anggapan jika dua atau lebih bungkusan atau bekas yang sama perihalnya dijumpai.
61. *Fasal 55* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal semua kuasa penyiasatan dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah.

BAHAGIAN VIII

62. Bahagian VIII memperkatakan peruntukan am.
63. *Fasal 56* memberi Menteri kuasa untuk membuat pengecualian berkenaan dengan barang-barang yang dimaksudkan untuk dihantar ke suatu destinasi di luar Malaysia atau bagi apa-apa kegunaan tertentu atau apa-apa maksud lain sebagaimana yang disebut dalam perintah itu.
64. *Fasal 57* memperuntukkan bahawa sesuatu kontrak bagi pembekalan apa-apa barang adalah sah walaupun melanggar mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan ini.
65. *Fasal 58* memperuntukkan tafsiran eksperimen penyelidikan pasaran dan pemakaian seksyen yang dicadangkan bagi eksperimen penyelidikan pasaran.
66. *Fasal 59* memperuntukkan penalti am bagi kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.
67. *Fasal 60* mengadakan peruntukan mengenai bidang kuasa Mahkamah Sesyen untuk membicarakan kesalahan.
68. *Fasal 61* membolehkan Pengawal atau Timbalan Pengawal untuk mewakilkan kuasa, kewajipan dan fungsinya kepada mana-mana Penolong Pengawal.
69. *Fasal 62* memperkatakan pendakwaan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.
70. *Fasal 63* mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan.
71. *Fasal 64* memperuntukkan bahawa prinsipal adalah bertanggungjawab bagi kesalahan yang dilakukan oleh pekhidmat atau ejennya.
72. *Fasal 65* memperuntukkan bahawa jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan ini, pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu boleh dipertuduh secara berasingan atau bersejajarnya dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu.
73. *Fasal 66* memperkatakan ganjaran kepada orang yang memberikan maklumat yang membawa kepada sabitan.
74. *Fasal 67* memperkatakan pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
75. *Fasal 68* memperuntukkan perlindungan daripada tindakan undang-undang bagi Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal atau mana-mana orang lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diperintahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta yang dicadangkan.

76. *Fasal 69* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
77. *Fasal 70* mengadakan peruntukan bagi pemansuhan Akta Perihal Dagangan 1972.
78. *Fasal 71* mengadakan peruntukan bagi perkara kecualian dan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2756]